



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERKAITAN ANTARA PENGGUNAAN SUMBER KELUARGA  
DENGAN KEUPAYAAN MENTAL DIKALANGAN  
KANAK-KANAK INDIA DI BANDAR DAN DI ESTET**

**KAUSALYA DEVI A/P SATHOO**

**FEP 1992 1**



PERKAITAN ANTARA PENGGUNAAN SUMBER KELUARGA  
DENGAN KEUPAYAAN MENTAL DI KALANGAN  
KANAK-KANAK INDIA DI BANDAR DAN DI ESTET

Oleh

KAUSALYA DEVI A/P SATHOO

Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Syarat  
Bagi Mendapatkan Ijazah Master Sains  
di Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Pertanian Malaysia

JULAI, 1992



## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak semasa mengendalikan kajian ini.

Kepada Dr. Husna Sulaiman, selaku Pengerusi kajian ini saya amat berterima kasih di atas bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan dari awal sehingga memungkinkan kajian ini disempurnakan.

Kepada Prof. Dr. Sulaiman Mohd. Yassin selaku Ketua Program Projek UPM yang telah membenarkan saya menggunakan sebahagian daripada data projek tersebut untuk kajian ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Sharifah Md. Nor dan Puan Siti Nor Yaacob yang telah memberi bimbingan dalam peringkat penulisan kajian.

Tidak lupa juga saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penduduk Bandar Seremban dan penduduk Ladang Pajam, Negeri Sembilan, yang telah memberi kerjasama sebagai responden bagi kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada keluarga Encik Rajaratnam yang telah sudi menerima saya sebagai anak angkat mereka semasa menjalankan pemerhatian ikut serta di Ladang Pajam, Negeri Sembilan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah, kakitangan universiti dan rakan-rakan yang telah memberi kerjasama serta bimbingan semasa saya mengikuti pengajian serta menjalankan kajian di UPM.

Akhir sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan di atas sokongan dan galakan yang diberikan oleh suami (Murugan), anak (Arvind), keluarga dan keluarga mertua saya.



## JADUAL KANDUNGAN

|   |      |
|---|------|
| PENGHARGAAN .....                                       | ii   |
| SENARAI JADUAL .....                                    | viii |
| SENARAI GAMBAR RAJAH .....                              | x    |
| ABSTRAK .....   | xi   |
| ABSTRACT .....  | xiii |
| <br>  |      |
| <b>BAB</b>  |      |
| I   PENDAHULUAN .....                                   | 1    |
| Pengenalan .....  | 1    |
| Kenyataan Masalah .....                                 | 8    |
| Objektif Kajian .....                                   | 12   |
| Batasan Kajian .....                                    | 13   |
| Kepentingan Kajian .....                                | 14   |
| Definisi Konsep .....                                   | 15   |
| <br>  |      |
| II  SOROTON LITERATUR .....                             | 18   |
| Sejarah Kedatangan Orang-orang<br>India ke Malaya ..... | 18   |
| Teori-teori Yang Berkaitan .....                        | 21   |
| Teori Perkembangan Mental<br>Kanak-kanak .....          | 22   |
| Teori Pengurusan Sumber Keluarga ...                    | 26   |
| Teori Interaksi Keluarga .....                          | 27   |
| Teori Ekologi Keluarga .....                            | 28   |
| Pendekatan dan Fokus Kajian .....                       | 32   |



|  |        |
|--|--------|
| Faktor-faktor Yang Mempengaruhi<br>Keupayaan Mental Anak ..... | 33     |
| Sumber Bukan Manusia .....                                     | 34     |
| Pelaburan Modal Insan .....                                    | 34     |
| Status Sosioekonomi Keluarga ....                              | 35     |
| Pendidikan Iubapa .....  | 37     |
| Saiz Keluarga .....  | 40     |
| Persekitaran Rumah .....                                       | 41     |
| Bahan Rangsangan .....   | 43     |
| Sumber Manusia .....   | 44     |
| Penglibatan .....  | 44     |
| Galakan Iubapa .....   | 46     |
| Harapan dan Aspirasi Iubapa ....                               | 48     |
| Keutamaan Jantina Anak .....                                   | 50     |
| Rumusan .....  | 51     |
| <br>III METODOLOGI .....                                       | <br>52 |
| Kerangka Konseptual .....                                      | 52     |
| Keupayaan Mental .....   | 57     |
| Kegunaan Ujian WISC .....                                      | 60     |
| Pemilihan dan Pengukuran Variabel ....                         | 61     |
| Variabel Interaksi Ibu-Anak .....                              | 70     |
| Hipotesis .....  | 73     |
| Persampelan dan Lokasi Kajian .....                            | 75     |
| Pengumpulan Data .....   | 77     |
| Penganalisan Data .....  | 78     |

|    |  |     |
|----|--|-----|
| IV | KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN .....       | 79  |
|    | Latar Belakang Responden .....         | 79  |
|    | Taraf Pekerjaan .....                  | 83  |
|    | Prestasi Ujian Kecerdasan Mental ..... | 85  |
|    | Skor Ujian Kecerdasan Mental .....     | 85  |
|    | Prestasi Pencapaian Akademik .....     |     |
|    | Rumusan dan Perbincangan .....         | 90  |
|    | Sumber Dalam Persekitaran              |     |
|    | Meso Individu .....                    | 90  |
|    | Sumber Bukan Manusia .....             | 91  |
|    | Pendapatan Keluarga .....              | 91  |
|    | Persekitaran Rumah .....               | 92  |
|    | Ruang Dalam Rumah .....                | 93  |
|    | Ruang Luar Rumah .....                 | 94  |
|    | Perbincangan .....                     | 97  |
|    | Perbelanjaan .....                     | 103 |
|    | Pelaburan .....                        | 107 |
|    | Rumusan dan Perbincangan .....         | 110 |
|    | Sumber Manusia .....                   | 114 |
|    | Pengetahuan Ibu .....                  | 114 |
|    | Penglibatan Iubapa secara              |     |
|    | Langsung .....                         | 117 |
|    | Rumusan .....                          |     |
|    | Keutamaan Jantina .....                | 120 |
|    | Harapan dan Aspirasi Iubapa .....      | 122 |
|    | Rumusan dan Perbincangan .....         | 125 |

|   |     |
|---|-----|
| Perkaitan Di antara Sumber Keluarga<br>Dengan Keupayaan Mental Anak ..... | 128 |
| Rumusan dan Perbincangan .....  | 134 |
| Interaksi .....   | 135 |
| Profail Mereka Yang Berjaya.....  | 142 |
| <br>  |     |
| V RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI<br>DAN CADANGAN .....                     | 144 |
| Ringkasan .....   | 144 |
| Hasil Kajian .....  | 146 |
| Rumusan .....   | 149 |
| Implikasi dan Cadangan .....  | 150 |
| <br>  |     |
| BIBLIOGRAFI .....   | 154 |
| LAMPIRAN .....  | 161 |
| VITA .....  |     |





## SENARAI JADUAL

| Jadual |  | Muka Surat |
|--------|--|------------|
| 1      | Taburan Sosiodemografi Responden dan Suami Mengikut Lokasi .....                     | 82         |
| 2      | Taburan Responden Mengikut Taraf Pekerjaan .....                                     | 84         |
| 3      | Taburan Anak-Anak Responden Mengikut Skor Darjah Kecerdasan .....                    | 87         |
| 4      | Taburan Responden Mengikut Skor Bagi Setiap Item Ujian .....                         | 89         |
| 5      | Taburan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Keluarga dalam Sebulan .....            | 91         |
| 6      | Taburan Responden Mengikut Status Persekitaran Rumah .....                           | 101        |
| 7      | Taburan Responden Mengikut Perlunya Alat Permainan untuk Anak .....                  | 103        |
| 8      | Taburan Responden Mengikut Peratus Perbelanjaan Isirumah .....                       | 105        |
| 9      | Taburan Responden Mengikut Perbelanjaan bagi Pelajaran Anak .....                    | 106        |
| 10     | Taburan Pelaburan untuk Anak Mengikut Lokasi .....                                   | 108        |
| 11     | Taburan Responden Mengikut Sebab Mengapa Tidak Membuat Sebarang Simpanan..           | 109        |
| 12     | Taburan Responden Mengikut Kriteria untuk Membeli Alat Permainan .....               | 117        |
| 13     | Taburan Responden Mengikut Jantina Anak Pertama yang Lebih Disukai .....             | 122        |
| 14     | Taburan Responden Mengikut Aspirasi dan Harapan Anak Lelaki dan Anak Perempuan ..... | 124        |

|    |   |     |
|----|---|-----|
| 15 | Ujian T ke atas Skor Kecerdasan Mental WISC .....   | 129 |
| 16 | Ujian Korelasi Pearson Terhadap Variabel Kajian .....   | 130 |
| 17 | Keputusan Ujian Regresi Pelbagai ke atas Skor Ujian Kecerdasan dengan Variabel Bebas .....                    | 133 |
| 18 | Taburan Jenis Interaksi Permulaan Mengikut Lokasi .....   | 137 |
| 19 | Taburan Jenis Maklumbalas Tindakan Mengikut Lokasi .....  | 139 |
| 20 | Taburan Jenis Interaksi yang Dikategorikan mengikut Lokasi .....  | 141 |
| 21 | Taburan Orang-Orang India di Malaya pada Tahun 1947 Mengikut Bidang-Bidang Pekerjaan yang diceburi .....      | 161 |
| 22 | Jumlah Ketibaan dan Kepulangan Orang-orang India ke/dari Semenanjung Malaysia mulai Tahun 1881 hingga 1940 .. | 162 |



## SENARAI GAMBAR RAJAH

| Gambar Rajah                      | Muka Surat |
|-----------------------------------|------------|
| 1 Ekosistem Keluarga .....        | 9          |
| 2 Model Kerangka Konseptual ..... | 56         |
| 3 Model Kerangka Analitikal ..... | 70         |
| 4 Pelan Daerah Seremban .....     | 76         |

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti  
Pertanian Malaysia sebagai memenuhi Syarat Keperluan  
untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains

PERKAITAN ANTARA SUMBER KELUARGA DENGAN KEUPAYAAN MENTAL  
DI KALANGAN KANAK-KANAK INDIA DI BANDAR DAN ESTET

Oleh

KAUSALYA DEVI A/P SATHOO

JULAI, 1992

Pengerusi: Husna Sulaiman, Ph.D.

Fakulti: Ekologi Manusia

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti sumber-sumber yang terdapat pada keluarga India di bandar dan di estet di Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Objektif khusus pula ialah a) untuk mengkaji prestasi tahap kecerdasan mental, b) untuk mengenalpasti sumber-sumber yang ada pada keluarga, c) untuk menganalisis perkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan mental dan d) untuk meninjau pola interaksi ibu-anak sebagai input dalam keupayaan mental anak.

Data dikumpul dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif ke atas 60 keluarga manakala pemerhatian dijalankan ke atas 10 buah keluarga.



Sumber-sumber keluarga dilihat dari segi sumber manusia dan sumber bukan manusia yang terdapat dalam persekitaran keluarga yang mempunyai perkaitan dengan keupayaan mental anak.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lokasi ( $r = -.5203$ ,  $p < 0.05$ ) menjadi penyumbang yang kuat terhadap keupayaan mental. Melalui pemerhatian pula, didapati bahawa ibu yang mengamalkan pola interaksi bercorak positif mempunyai anak yang mencapai skor ujian WISC yang tinggi.

Kesimpulannya, didapati profail anak responden yang berjaya mempunyai keupayaan mental yang tinggi terdiri daripada mereka yang mendapat penglibatan daripada ibubapa. Penglibatan secara langsung adalah dari segi masa yang diluangkan bersama anak dalam aktiviti pendidikan anak manakala penglibatan secara tidak langsung ialah kesanggupan ibubapa membelanjakan wang untuk menyediakan bahan-bahan rangsangan untuk meningkatkan tahap keupayaan mental ke tahap optimum.



Abstract of Thesis Submitted to the Senate of  
Universiti Pertanian Malaysia in Fulfillment of the  
Requirements for the Degree of Master of Science

THE RELATIONSHIP BETWEEN FAMILY RESOURCE  
AND MENTAL ABILITY OF URBAN AND ESTATE INDIAN CHILDREN

by

KAUSALYA DEVI A/P SATHOO

JULY 1992

Chairman: Husna Sulaiman, Ph.D.

Faculty: Human Ecology

The primary objective of this study was to identify the family resources among the urban and estate families in the Seremban District, Negeri Sembilan. The specific objectives were to a) study the mental ability of the children, b) identify the family resources, c) analyse the relationships between family resources and mental ability and d) to explore the mother-child interaction pattern as an input to mental ability.

Data were collected using quantitative and qualitative methods. Sixty families were involved as respondents in the study. Observation was done on 10



families. The study focussed on human and non-human resources available in the family environments, that influence the mental development of children.

The results of this study showed that location ( $r = -.5203, p < 0.05$ ) was the determining factor that contributes to the mental development of children. From observations, it was found that mothers who practised positive interactions, had children who scored high on the WISC test.

In conclusion, it was observed that children who achieved high scores on the mental test, were those who received a lot of parental guidance and involvement. Direct involvement of parents included spending time with their children in educational activities while indirect involvement included willingness of the parents to spend money on items which will increase mental ability of the children.



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Perkembangan ialah satu perubahan secara sistematik yang stabil, berlaku dalam satu-satu jangkamasa serta berkaitan dengan peningkatan umur dan pengalaman seseorang. Menurut Clarke-Stewart (1987), bidang perkembangan boleh dibahagikan kepada tiga domain iaitu perkembangan fizikal, mental dan sosio-emosi. Ketiga-tiga domain perkembangan ini saling berkaitan dan berinteraksi di antara satu sama lain.

Aspek ketara dalam perkembangan seseorang kanak-kanak ialah pertumbuhan intelegnya. Persoalan yang sering timbul di kalangan pakar perkembangan kanak-kanak ialah: Apakah yang mempengaruhi keupayaan intelek seseorang? Adakah keupayaan itu hasil kejadian semulajadi (faktor dalaman) ataupun hasil daripada interaksi dengan persekitaran melalui pengasuhan (faktor luaran) ?

Setiap kanak-kanak mempunyai potensi bagi pertumbuhan intelek. Keupayaan dalaman ini secara amnya dipengaruhi oleh faktor genetik. Setiap individu akan



mewarisi ciri-ciri ini daripada ibu bapanya. Didapati ciri-ciri yang diwarisi ini mempunyai pengaruh ke atas keupayaan fizikal, mental dan sosio-emosi. Namun begitu, kita tidak seharusnya mempunyai anggapan bahawa tiada apa yang boleh dilakukan untuk meningkatkan keupayaan intelek anak-anak. Apabila seseorang itu dilahirkan, ia terdedah kepada dunia yang luas, di mana persekitarannya itu juga akan mempengaruhi perkembangannya (Beck, 1975). Keupayaan intelek yang dipunyai oleh seseorang pada bila-bila masa terdiri daripada tiga faktor: pertama, yang asas, diwarisi, kualiti genetik otak dan sistem saraf pusat; kedua, perubahan atau kerosakan disebabkan oleh kemalangan atau penyakit; ketiga, kesan persekitaran atau pengalaman seseorang (Beck, 1975). Faktor ketiga ini menonjolkan kepentingan persekitaran dan pengalaman ke atas keupayaan intelek. Menurut Deacon dan Firebaugh (1981) persekitaran seseorang boleh dikategorikan kepada dua, iaitu persekitaran mikro (sistem keluarga) dan persekitaran makro (sistem masyarakat, sosial, teknologi, ekonomi, sosio-budaya, politik dan sebagainya). Oleh kerana keluarga merupakan sistem terbuka, persekitaran makro yang terjauh juga banyak mempengaruhi keupayaan seseorang. Bagi seseorang kanak-kanak, keluarganya merupakan persekitaran yang paling

terdekat dan yang paling mempengaruhi keupayaannya. Untuk meningkatkan tahap keupayaan seseorang keluarga akan mengagihkan sumber -- barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan individu serta keluarga secara keseluruhannya.

Dalam proses penjagaan anak, ibu bapa melaburkan berbagai sumber untuk mendidik anak-anak mereka supaya keupayaan anak-anak mereka mencapai peringkat yang diinginkan. Sumber tersebut boleh diklasifikasikan sebagai sumber manusia dan bukan manusia.

Sumber manusia yang terkandung dalam lingkungan sistem keluarga adalah penggunaan masa, kemahiran, keupayaan, kecekapan dan ilmu pengetahuan yang ada pada ahli-ahlinya. Barangan konkrit yang sedia ada untuk penggunaan atau yang akan digunakan untuk menghasilkan barangan lain, hartabenda serta pelaburan merupakan sumber bukan manusia (Deacon & Firebaugh, 32: 1981).

Sumber diperolehi melalui interaksi dengan aktiviti luaran atau dalaman sistem keluarga. Ibu bapa adalah bertanggungjawab menjaga ahli-ahli keluarga dan menyediakan suatu persekitaran yang kondusif bagi perkembangan diri. Untuk membangunkan ahli keluarga ke tahap yang maksimum, ibu bapa harus mengetahui cara penggunaan sumber yang paling berkesan. Dalam menentukan corak pengagihan sumber, ibu bapa harus memastikan tahap

pusingan hidup keluarga. Ini adalah kerana keperluan atau permintaan pada setiap tahap pusingan hidup adalah berbeza, dan ini akan memastikan keutamaan, corak pengagihan sumber dan seterusnya tahap hidup yang telah tercapai.

Dalam membuat pilihan, keluarga akan cuba membuat pelaburan sumber terhadap aktiviti yang akan memberi pulangan yang maksimum dengan/atau yang memerlukan kos yang minimum. Dalam hal ini, pelaburan dalam bentuk sumber manusia diberi keutamaan oleh kebanyakan ibu bapa yang sedar. Ini adalah kerana anak-anak dianggap sebagai aset di hari tua. Anak-anak diberi pendidikan yang secukupnya oleh ibu bapa dengan harapan mereka akan berdikari dan memperolehi pendapatan yang lumayan sepanjang hayat mereka (Deacon & Firebaugh, 1981; 83). Justeru itu, dipercayai bahawa pendidikan akan menjamin kesejahteraan ekonomi seseorang supaya meningkatkan taraf hidup mereka.

Di antara jenis-jenis pelaburan yang sering berlaku dalam keluarga, pendidikan merupakan salah satu bentuk pelaburan sumber manusia yang paling penting jika diambilkira pulangan yang diperolehi daripadanya (Deacon & Firebaugh).

Pendidikan merupakan salah satu faktor yang boleh mengurangkan kemiskinan. Hampir kesemua negara maju dan negara membangun memperakui peranan pendidikan sebagai salah satu penyelesaian kepada masalah, terutamanya masalah kemiskinan.

Di Malaysia, kepercayaan bahawa pendidikan dapat meningkatkan serta mengimbangkan perkembangan sosioekonomi adalah sangat kuat (Rabieyah, 1986). Semenjak negara ini mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, Kerajaan Malaysia telah menekankan tentang kepentingan pendidikan sebagai peralatan yang utama untuk membangunkan dan memajukan negara. Dasar Ekonomi Baru, yang digariskan pada tahun 1970 dirangka untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta untuk menyusun semula masyarakat Malaysia dengan menghapuskan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi dan lokasi. Salah satu daripada program utama untuk mencapai matlamat ini adalah melalui pendidikan. Ini adalah kerana pendidikan merupakan pelaburan negara dalam sumber manusia, dengan harapan dapat meningkatkan kesejahteraan ekonomi seseorang. Kepentingan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia terhadap pendidikan adalah jelas jika dilihat dari segi Rancangan Malaysia untuk lima tahun di mana terdapat pertambahan peruntukan dalam bidang pendidikan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Rudner (1977),

"Education is regarded as both a tool for nation building and an agency of human resource development".

Pendedahan yang diperolehi melalui pendidikan mempunyai kesan jangka panjang yang ketara ke atas kanak-kanak. Melalui pendidikan, seseorang kanak-kanak akan berupaya untuk belajar secara terperinci dan cepat, mengabadikannya, berkebolehan untuk memberi alasan secara logikal dan analitikal, serta mempunyai imaginasi yang kreatif dan berkebolehan untuk membuat diskriminasi secara estetik atau sensori dengan baik. Keupayaan inilah yang didefinisikan sebagai kecerdasan mental oleh pakar-pakar kanak-kanak (Weschler, 1976 dipetik oleh Clarke-Stewart, 1987). Kecerdasan mental ini mestilah dipupuk ataupun diasah agar ia mencapai ke tahap yang optimum.

Oleh itu, untuk mencapai satu output yang memuaskan, ibu bapa haruslah memulakan tanggungjawab mereka di peringkat awal umur anak-anak mereka. Ahli-ahli psikologi dan pakar-pakar keluarga mendapati bahawa peringkat awalan kanak-kanak merupakan peringkat yang kritikal bagi perkembangan seseorang. Didapati bahawa 80% pembelajaran dan perkembangan mental seseorang berlaku di tahap awal (Ricks, 1977). Kebanyakan sumbangan terhadap perkembangan awalan ini adalah daripada ibu bapa, ahli-ahli keluarga yang lain serta persekitaran rumah.

Selain daripada sumber yang terdapat di persekitaran mikro kanak-kanak, sumber-sumber lain yang terdapat di persekitaran makronya juga banyak menyumbang terhadap perkembangan seseorang. Kemudahan-kemudahan pendidikan seperti sekolah dan infrastruktur yang lain serta sistem masyarakat juga banyak mempengaruhi perkembangan kanak-kanak.


Di samping pendidikan formal, seseorang kanak-kanak juga mempelajari sesuatu melalui pendidikan bukan formal, misalnya semasa berinteraksi dengan orang lain ataupun apabila terdedah kepada sesuatu rangsangan. Kedua-dua corak pendidikan ini akan meningkatkan potensi otaknya yang seterusnya akan menentukan tahap perkembangan mental seseorang.

Untuk mengukur tahap keupayaan mental seseorang, banyak cara yang digunakan. Di antaranya ialah melalui ujian kecerdasan mental serta melalui prestasi pencapaian akademik. Terdapat ramai ahli-ahli psikologi yang telah merangka dan membentuk alat-alat ujian seumpama ini. Apa yang penting di sini ialah alat tersebut mestilah berkeupayaan untuk mengukur tahap keupayaan mental secara keseluruhan serta bebas daripada pengaruh budaya (culture bias).

### Kenyataan Masalah

Bagi seseorang kanak-kanak, ahli-ahli keluarga, persekitaran luaran keluarga yang terdekat dan jauh merupakan elemen-elemen yang terkandung dalam ekosistemnya. Elemen-elemen ini seterusnya akan mempengaruhi sumber-sumber yang terdapat di dalam serta di luar persekitarannya. Interaksi di antara setiap elemen dalam ekosistem ini adalah saling bergantung dan saling mempengaruhi (Gambar Rajah 1). Dalam setiap elemen ini terdapat sumber-sumber yang dapat membantu dalam perkembangan seseorang jika digunakan dengan cara yang baik.

Oleh itu, semua sumber, sama ada sumber manusia atau sumber bukan manusia akan mempengaruhi perkembangan seseorang kanak-kanak. Kehadiran sumber dalam sesebuah keluarga bergantung kepada status ekonomi keluarga serta kawasan tempat tinggal, iaitu kawasan bandar atau luar bandar seperti estet.



Gambar Rajah 1: Ekosistem Keluarga (Mumtazah & Nurizan, 1986)



Di dapati bahawa kawasan bandar lebih dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang baik untuk meningkatkan taraf pendidikan seseorang kanak-kanak. Misalnya, di kawasan bandar terdapat sekolah yang lengkap dengan segala bahan rangsangan, kemudahan perpustakaan serta rumah yang lengkap dengan kemudahan elektrik dan sebagainya. Tetapi, masih juga terdapat di kalangan kanak-kanak di kawasan bandar yang kurang berjaya dalam bidang pendidikan berbanding dengan yang lain.

Di kawasan luar bandar pula, khususnya di estet, kebanyakan daripada estet mempunyai kemudahan sekolah rendah. Kajian sosioekonomi ke atas pekerja-pekerja di ladang getah menunjukkan bahawa 68.7% daripada mereka mempunyai kemudahan bekalan elektrik dan 88.7% daripada mereka mempunyai bekalan air paip (SERU,1981). Walaupun keadaan estet yang telah diperbaiki infrastrukturnya, taraf pendidikan di kalangan mereka di estet masih tidak banyak berubah semenjak dahulu lagi.

Keadaan seumpama ini menimbulkan banyak persoalan yang harus diberi perhatian dan pertimbangan. Mungkinkah keluarga sama ada di bandar atau estet tidak menggunakan sumber-sumber keluarga yang ada dengan cara yang paling berkesan -- iaitu mereka tidak sensitif terhadap kewujudan sumber, atau tidak mengamalkan cara penggunaan sumber yang betul? Mungkinkah mereka sendiri